

STATUS SEMASA PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH

Kuala Lumpur – Kementerian Kerja Raya ingin menarik perhatian terhadap isu status projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah yang didakwa terhenti dan tiada sebarang kemajuan sebagaimana yang dakwa oleh bekas YAB Perdana Menteri ke-6 di dalam laman media sosial beliau.

Untuk makluman, projek LPB Sabah masih lagi berjalan dan dalam peringkat pembinaan serta tetap diteruskan pelaksanaannya walaupun setelah Kerajaan menamatkan Rakan Pelaksana Projek (PDP) pada 21 September 2019 lalu. Pada masa kini pelaksanaan projek itu telah ditukarkan kepada kaedah konvensional kontrak JKR iaitu di bawah seliaan JKR Sabah sebagai Penguasa Projek. Melalui kaedah tersebut Kerajaan akan memperoleh penjimatan sebanyak lebih kurang RM1.2 bilion berbanding dengan kaedah asal PDP.

Hasil penjimatan berkenaan antara lain, telah membolehkan Kerajaan meluluskan tiga (3) lagi pakej tambahan berbanding 12 pakej asal yang sedang berjalan - iaitu melibatkan laluan dari persimpangan Beluran ke Telupid bernilai RM1 bilion - yang dijangka akan ditender pada bulan Mac 2020. Di samping komitmen untuk meneruskan 15 pakej projek LPB Sabah itu, Kerajaan juga telah meluluskan projek membina jalan TransBorneo menghubungkan Sabah, Sarawak dan Kalimantan, di mana fasa 1 menghubungkan Kalabakan, Sabah dengan Simanggaris, Indonesia akan dilaksanakan pada tahun ini dengan kos RM600 juta. Projek ini telah diumumkan semasa sesi pembentangan Bajet 2020 pada bulan Oktober 2019 lalu.

Kementerian Kerja Raya juga ingin memaklumkan bahawa sehingga 31 Disember 2019, projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah telah mencatatkan kemajuan fizikal sebanyak 22% secara keseluruhan bagi 12 pakej yang sedia komited dan ia akan siap sepenuhnya secara berfasa selewat-lewatnya pada bulan Jun 2023. Manakala untuk tiga (3) pakej tambahan yang baharu pula ia dijangka akan siap pada akhir tahun 2023. Tempoh pelaksanaan 12 kontrak itu mengalami sedikit kelewatan berbanding tempoh siap asal (Jun 2022) disebabkan isu proses pengambilalihan balik tanah dan halangan di tapak pembinaan, serta isu tempoh transisi atau pertukaran kaedah pelaksanaan projek daripada PDP kepada kontrak konvensional.

Sebagaimana projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak, kos pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah di samping projek-projek jalan lain di kedua-dua negeri berkenaan akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat. Ini termasuklah projek Lebuhraya TransBorneo dan juga projek Sarawak Sabah Link Road yang telah diluluskan Kerajaan, di mana tiada tol akan dikenakan kepada pengguna. Pembinaan jalan-jalan utama tanpa tol di kedua-dua negeri itu merupakan antara iltizam dan tekad Kerajaan bagi memastikan pembangunan sosioekonomi yang lebih baik dapat dinikmati oleh rakyat di Sabah dan Sarawak.



- Tamat –

KEMENTERIAN KERJA RAYA

6 hb, Januari 2020

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

 : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 |  : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my